

14/02/2001

PM pelari pertama

LARIAN Obor Sukan Sea XXI akan dilancarkan ke seluruh negara, bermula 3 Mac depan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menjadi pelari pertama.

"Yang di-Pertuan Agong dijadualkan merasmikan temasya itu pada 8 September manakala Perdana Menteri akan menutupnya pada 17 September. Kedua-dua majlis itu akan berlangsung di Stadium Nasional," kata Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

Mengenai persiapan atlit, beliau berkata, seramai 657 atlit sedang mengikuti latihan fasa ketiga Gemilang 2001 di bawah bimbingan 46 jurulatih asing serta 58 tempatan.

(END)